

Headline	Tabung Haji anggap tahun 2015 tempoh mencabar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	10 Mar 2015	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,590
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,770



Tabung Haji anggap tahun 2015 tempoh mencabar

KUALA LUMPUR, Isnin - Lembaran ini, Tabung Haji menjangkaikan 2015 sebagai tahun mencabar untuk mengulangi pembayaran bonus tahun lepas sebanyak 6.25 peratus dan bonus tambahan dua peratus kepada pendeposit.

Timbalan Pengarah Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Johan Abdullah, berkata banyak faktor yang menyumbang kepada persekitaran serba mencabar itu, termasuk bencana banjir pada akhir tahun lepas, penyusutan nilai ringgit serta penurunan harga minyak mentah.

"Ianya masih terlalu awal untuk memaklumkan (anggaran bonus pendeposit) pada masa

sekarang. Jika anda maklum dengan unjuran pasaran, (keadaan) perniagaan sememangnya mencabar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas majlis penyerahan zakat perniagaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), di sini, hari ini.

Tahun lepas, Tabung Haji membuat pembayaran bonus sebanyak RM3.2 bilion kepada 8.6 juta pendeposit - meningkat 23 peratus berbanding 2013.

Jumlah pendapatannya bagi tahun lepas adalah RM3.29 bilion, merosot sedikit berbanding RM3.73 yang diraih pada 2013.

Sementara itu, pembayaran

zakat perniagaan Tabung Haji kepada MAIK meningkat kepada RM4.04 juta tahun ini berbanding RM3.87 juta tahun lepas berikutan prestasi keseluruhan Tabung Haji yang lebih baik.

Tabung Haji juga, kata Johan, akan meneruskan tumpuannya terhadap teras perniagaan tempatan seperti perbankan Islam, perlادangan dan hartanah.

Pada masa sama, Tabung Haji akan terus kekal aktif sebagai pelabur jangka panjang di pasaran saham tempatan dengan melabur dalam saham terpilih yang berkualiti.

"Ada banyak peluang di sini. Sehubungan itu, kami akan terus menjana lebih banyak pelaburan domestik," katanya.--BERNAMA



Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Faiz Petra yang merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berkenan bergambar kenangan bersama Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH) Datuk Johan Abdullah (tiga,kanan) pada Majlis Persembahan Cek Zakat Perniagaan TH dan UMW Holdings Berhad di Kuala Lumpur semalam. Turut kelihatan Pengarah Eksekutif Bahagian Khidmat Kewangan Kumpulan UMW Holdings Berhad, Azmin Che Yusoff (dua,kiri), Pengarah TH Kelantan Muhamad Hamdan Omar (dua,kanan), Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UMW Holding Berhad Badril Shah Abdul Rahman (kanan) dan Timbalan Yang Dipertua MAIK, Datuk Serpuddin Mohamad (kiri). -- fotoBERNAMA